

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)  
SOALAN 12 (A105)**

Mohon tambahan peruntukan untuk Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim agar dengan adanya peruntukan tambahan ini, lebih banyak sumbangan dapat disalurkan kepada lebih ramai orang dalam kumpulan sasar.

**JAWAPAN YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL**

YPKDT mengambil maklum saranan tersebut dan berpendapat bahawa dengan penambahan peruntukan bagi tahun 2021 akan lebih ramai golongan sasar dapat disantuni. Bagi makluman YB, YPKDT telah merancang pelbagai program pembangunan keusahawanan, peningkatan ekonomi dan sosial masyarakat negeri Johor bagi tahun 2021 yang merangkumi pelbagai lapisan masyarakat seperti ibu tunggal, wanita berpendapatan rendah, OKU, anak muda, belia, remaja, warga emas dan sebagainya.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)  
SOALAN 13 (A131)**

PKP dan PKPB menyebabkan sekolah ditutup. Berapakah jumlah pengusaha kantin dan perkhidmatan bas yang terjejas dengan COVID-19, apakah langkah yang dibuat kerajaan negeri?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG**

1. Semua kantin sekolah terjejas dengan penutupan sekolah akibat PKP dan PKPB. Bilangan pengusaha kantin seluruh Johor yang terjejas adalah sebanyak 959 buah dengan pecahan mengikut daerah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Kantin</b>
1	Batu Pahat	147
2	Tangkak	48
3	Kota Tinggi	78
4	Muar	74
5	Pasir Gudang	108
6	Kluang	82
7	Pontian	69
8	Kulai	69
9	Johor Bahru	157
10	Segamat	92
11	Mersing	35
<b>JUMLAH</b>		<b>959</b>

Sekolah-sekolah lain yang tidak terlibat (228 buah) merupakan sekolah kurang murid (SKM) serta diuruskan dengan bantuan PIBG.

2. Antara usaha-usaha yang telah dijalankan untuk meringankan beban pengusaha kantin adalah:
  - i. Pengecualian bayaran sewa kantin dari bulan April sehingga November 2020.
  - ii. Pengecualian bayaran sewa kantin bagi bulan Disember 2020 mengikut perjanjian yang telah dibuat.
  - iii. Menasihati pihak sekolah untuk menyambung perjanjian bagi kantin yang telah tamat perjanjian selama 2 tahun (2 + 1).
  - iv. Membenarkan pihak kantin menggunakan kantin sekolah jika mereka mendapat tempahan dari luar dengan mematuhi SOP yang ditetapkan. (Hanya pengusaha dan pekerja yang berdaftar sahaja boleh menggunakan kemudahan kantin).
3. Seterusnya adalah tentang perkhidmatan bas sekolah yang terjejas. Untuk makluman ahli yang berhormat sekalian, Terdapat sejumlah 2,071 pengendali bas sekolah (selain dari badan berkanun dan syarikat asing) dengan jumlah

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

kenderaan sebanyak 3,594 buah yang menjalankan perkhidmatan bas sekolah di seluruh negeri Johor.

4. Oleh yang demikian, sebagai Kerajaan yang prihatin antara usaha Kerajaan bagi membantu pengusaha perkhidmatan bas sekolah adalah Kerajaan telah meluluskan Bantuan Prihatin Nasional sebanyak RM600 kepada Pemandu Bas Sekolah.
5. Seramai 2430 (68%) pemandu bas sekolah di negeri Johor telah menerima bantuan ini. Tempoh permohonan untuk bantuan ini sudah bermula dari 5 Ogos 2020 dan berakhir pada 19 September 2020. Bantuan juga sudah disalurkan bermula 11 September sehingga 20 November 2020.
6. Bayaran terus dimasukkan ke dalam akaun bank pemandu. Maklumat tambahan untuk makluman Ahli Dewan Yang Mulia ini, hanya pemandu bas sekolah yang memenuhi lima kriteria ini sahaja yang layak menerima bantuan tersebut:
  - Warganegara Malaysia;
  - Pemandu memiliki lesen vokasional (PSV) dan lesen D yang masih dalam tempoh sah laku pada 31 Disember 2019;
  - Bekerja dengan pengendali bas sekolah yang berdaftar dengan APAD dan Lesen Pengendalinya masih sah laku pada 31 Disember 2019;
  - Pemandu bas sekolah di bawah Badan berkanun Persekutuan dan Negeri serta GLC, adalah tidak layak; dan
  - Maksima 2 pemandu untuk setiap bas.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN (PARIT YAANI)  
SOALAN 14 (A212)**

Dari tahun 2019 Sehingga sekarang November 2020, berapakah kekosongan dan jawatan yang telah diisi untuk jawatan tetap Guru Agama Negeri Johor?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Sehingga 15 November 2020, kekosongan jawatan tetap Guru Agama Kerajaan Johor (Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Gred DG 29) adalah sebanyak 948 kekosongan.

Perkara ini telah diambil maklum oleh Kerajaan Negeri melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor (SPAJ), dan berusaha mengisi kekosongan. SPAJ dalam proses temuduga calon yang berkeelayakan mulai 1 November 2020. Namun begitu, sesi temuduga ditangguhkan sementara disebabkan PKPB. Pengambilan DG29 ini dijangka pada awal tahun 2021 seramai 500 calon.

Manakala kekosongan Pegawai Perkhidmatan Gred DG 41 adalah sebanyak 9 kekosongan bagi pengisian di Sekolah Menengah Agama Maahad Johor dan SMAKJ, Kluang. Perkara ini juga telah dimaklumkan kepada Pejabat Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor (SPAJ) untuk tindakan selanjutnya.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

**YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)  
SOALAN 15 (A124)**

Sehingga ke hari ini berapa ramaikah dari 400,000 pekerja Johor yang bekerja di Singapura yang diberhentikan kerja dan apakah tindakan kerajaan Johor dalam membantu mereka terutama dalam keadaan mereka tidak mencarum KWSP dan PERKESO seperti pekerja di Malaysia.

**JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD**

Menjawab pertanyaan Yang Berhormat Kota Iskandar, berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh PERKESO. Jumlah pekerja yang kehilangan pekerjaan akibat pandemik Covid-19 termasuk pekerja tempatan yang bekerja di Singapura yang telah membuat permohonan Sistem Insurans Pekerjaan (Akta 800) PERKESO adalah sebanyak 8,942 permohonan. Jumlah permohonan tersebut adalah jumlah permohonan yang diterima bagi tempoh Januari 2020 sehingga Oktober 2020.

Kerajaan negeri Johor sentiasa mengambil berat dan prihatin akan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat negeri ini termasuklah mereka yang bekerja di Singapura dan telah diberhentikan kerja. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan negeri khusus bagi membantu golongan ini. Para pekerja tempatan yang bekerja di Singapura layak dan digalakkan untuk memohon serta menerima manfaat beberapa inisiatif yang disediakan oleh kerajaan seperti Program Upskilling & Reskilling. Selain itu, mereka juga boleh mengambil manfaat dari inisiatif kerajaan menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang dilaksana berlandaskan Active Labour Market Policies (ALMPs). Inisiatif-inisiatif yang dimaksudkan adalah :-

1. Program Mini Karnival PENJANA Kerjaya dan Sesi Temu duga Terbuka yang telah dianjurkan sebanyak 36 kali.
2. Perlaksanaan program kebolehpasaran pekerjaan seperti Bengkel Employability, kaunseling kerjaya dan career talk kepada golongan yang kehilangan pekerja dan mahasiswa IPT serta Institut Latihan Kemahiran (ILK) yang telah diadakan sebanyak 29 kali.
3. Pelancaran portal pekerjaan negara iaitu MYFutureJobs yang dibangunkan khas buat semua pencari kerja atau penganggur. Berdasarkan data portal sehingga 6 November 2020, terdapat 27,032 kekosongan jawatan di negeri Johor. Jawatan aktif bagi bulan November 2020 yang telah direkodkan adalah sebanyak 8,175 kekosongan jawatan dan ianya dari pelbagai sektor industri.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)  
SOALAN 16 (A102)**

Mohon dilebarkan jalan dan jambatan (sepanjang Jalan Tun Sri Lanang) di antara Simpang Petronas Jalan Kota Kecil ke Simpang 4 Kampung Makam (Berhampiran Kedai Goodyear), kerana selalu berlaku kesesakan terutama pada waktu puncak dan musim cuti.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI**

Buat masa ini Kerajaan Negeri belum ada lagi cadangan untuk melebarkan jalan dan jambatan (sepanjang Jalan Tun Sri Lanang) di antara Simpang Petronas Jalan Kota Kecil ke Simpang 4 Kampung Makam.

Namun sekiranya pihak Yang Berhormat merasakan bahawa ada keperluan bagi melebarkan jalan dan jambatan tersebut, Yang Berhormat boleh membuat permohonan secara bertulis kepada saya dan saya akan memanjangkan perkara tersebut kepada pihak JKR bagi membuat kajian di kawasan itu terlebih dahulu.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

**YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)  
SOALAN 17 (A50)**

Nyatakan usaha serta perancangan kerajaan negeri untuk memastikan Program 'Smart City' dapat dilaksanakan ke seluruh daerah dalam Negeri Johor dan daerah mana yang telah dilaksanakan setakat ini?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri bersama pihak Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) telah bekerjasama dengan lima (5) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di kawasan Iskandar Malaysia sejak tahun 2016 bagi membangunkan dan melaksanakan program serta inisiatif yang berunsurkan teknologi bagi memacu era digital yang lebih komprehensif. Berikut merupakan lima (5) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah melaksanakan Program 'Smart City':-

- i. Majlis Bandaraya Johor Bahru
- ii. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
- iii. Majlis Bandaraya Pasir Gudang
- iv. Majlis Perbandaran Kulai
- v. Majlis Daerah Pontian

Dalam usaha dan perancangan Kerajaan Negeri dalam memastikan program ini dapat dilaksanakan di kesemua daerah di Negeri Johor, pihak IRDA turut bekerjasama dengan penggerak *Smart City* tempatan dan antarabangsa untuk memulakan Latihan *Smart City* bagi PBT Negeri Johor. Program ini adalah bertujuan untuk memastikan persediaan yang mencukupi untuk semua PBT menyahut cabaran transformasi alaf baru digital serta penggunaan teknologi yang meluas.

Projek perintis turut dibangunkan bagi memangkin penerimaan serta pemahaman pelbagai agensi dan komuniti berkenaan konsep *Smart City Iskandar Malaysia* antaranya seperti berikut:-

- i. Iskandar Malaysia RMMT – Sistem Pengurusan dan Pemantauan Sungai-Sungai Skudai
- ii. Sistem Pemetaan dan Analtik Data Sektor Perindustrian di Iskandar Malaysia
- iii. Kerjasama Program *Smart City* bersama pemaju
- iv. Kajian Sistem Pengurusan Mobiliti Bersepadu dan Pintar serta Projek Perintis di Iskandar Malaysia (SIMMS)

Selain itu, Iskandar Malaysia *Urban Observatory* (IMUO) juga dibangunkan sebagai sebuah pusat pemantauan dan penilaian untuk memantau kemajuan Iskandar Malaysia dalam melaksanakan Rancangan Pembangunan Komprehensif. IMUO ini merupakan sebuah platform bagi mengumpul, mengemaskini, menganalisis, mengurus dan menyebarkan data dan maklumat di Iskandar Malaysia.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

Seterusnya, berdasarkan Ikhtiar Makmur Johor, Pelan Induk Digital Johor memerlukan kawasan ujian rintis yang khusus bagi menguji idea dan teknologi terkini yang merangkumi elemen berkaitan Bandar Pintar. Dengan itu, kawasan Medini City dan Educity di Iskandar Puteri telah dikenalpasti sebagai kawasan *living lab* dan dinamakan Hab Digital Johor. Ianya disediakan bertujuan untuk menjalankan ujian inovasi serta menambahkan peluang pertumbuhan ekonomi melalui penggunaan teknologi yang menjurus kepada sektor perkilangan.

Bagi memastikan pertumbuhan Hab Digital Johor, Kerajaan Negeri akan membuat permohonan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk mendapatkan status *Sandbox* Inovasi dan Teknologi Nasional bagi projek-projek yang memerlukan polisi dan piawaian yang berbeza di kawasan ini.



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

**YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)**  
**SOALAN 18 (A43)**

Apakah perancangan, usaha dan strategi untuk menarik pelabur domestik dan luar negara untuk membuat pelaburan ke atas sektor industri hijau di Johor khususnya dalam bidang tenaga yang boleh diperbaharui?

**JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD**

Teknologi Hijau merujuk kepada pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan alam semulajadi dan meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia. Kriteria Teknologi Hijau adalah merujuk kepada produk, peralatan, atau sistem yang memenuhi kriteria-kriteria berikut:

1. Ia meminimumkan degradasi kualiti persekitaran;
2. Ia mempunyai pembebasan Gas Rumah Hijau (GHG) yang rendah atau sifar;
3. Ia selamat untuk digunakan dan menyediakan persekitaran sihat dan lebih baik untuk semua hidupan;
4. Menjimatkan tenaga dan sumber asli; dan
5. Menggalakkan sumber-sumber yang boleh diperbaharui.

Matlamat Kerajaan adalah untuk menyediakan hala tuju dan motivasi untuk rakyat terus menikmati kualiti kehidupan yang baik dan persekitaran yang sihat. Berikut adalah antara perancangan kerajaan berkaitan Teknologi Hijau.

**Matlamat Jangka Pendek**

1. Kesedaran masyarakat yang lebih tinggi melalui program-program sokongan dan komitmen untuk penerimaan dan penerapan Teknologi Hijau;
2. Ketersediaan dan pengiktirafan meluas Teknologi Hijau dari segi produk, aplikasi, peralatan dan sistem di pasaran tempatan melalui piawaian, perkadaran, pelabelan;
3. Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investments, FDIs) dan Pelaburan Langsung Tempatan (Domestic Direct Investments, DDIs) yang lebih besar dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan Teknologi Hijau; dan
4. Institusi-institusi penyelidikan tempatan dan institusi pengajian tinggi mengembangkan penyelidikan, pembangunan dan aktiviti inovasi mengenai Teknologi Hijau ke arah pengkomersialan menerusi mekanisme yang sesuai.

**Matlamat Jangka Sederhana**

1. Teknologi Hijau menjadi pilihan utama dalam memilih produk dan perkhidmatan;
2. Teknologi Hijau mempunyai pasaran tempatan yang lebih besar berbanding dengan teknologi lain, dan menyumbang kepada penerimaan Teknologi Hijau dalam pasaran serantau;

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

3. Peningkatan pengeluaran produk Teknologi Hijau tempatan;
4. Peningkatan penyelidikan dan pembangunan serta inovasi Teknologi Hijau oleh universiti tempatan dan institusi penyelidikan yang dikomersialkan melalui kerjasama dengan industri tempatan dan syarikat multinasional;
5. Peningkatan perniagaan SME dan SMI tempatan dalam Teknologi Hijau ke pasaran global; dan
6. Peningkatan aplikasi Teknologi Hijau dalam kebanyakan sektor ekonomi.

**Matlamat Jangka Panjang**

1. Penerapan Teknologi Hijau dalam industri keseluruhannya;
2. Penggunaan meluas Teknologi Hijau mengurangkan penggunaan sumber secara keseluruhan, di samping mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara;
3. Mengurangkan signifikan dalam penggunaan tenaga;
4. Membaiki kedudukan Malaysia dalam peningkatan persekitaran;
5. Negeri Johor menjadi penyumbang untuk Malaysia menjadi pengeluar utama Teknologi Hijau dalam pasaran global; dan
6. Peningkatan kerjasama peringkat antarabangsa dengan universiti tempatan dan institusi penyelidikan dengan industri Teknologi Hijau.

Kerajaan sentiasa menggalakkan pelaksanaan dan usaha-usaha yang menyokong kepada penjagaan alam sekitar. Sinonim dengan itu, Kerajaan Negeri juga menggalakkan usaha-usaha dan perancangan pemaju swasta untuk membangunkan kawasan perindustrian berkonsepkan "Green and Clean", terutamanya melalui pengwujudan "Eco-Industrial Park". Mempromosikan pelaburan langsung asing (FDIs) terhadap Teknologi Hijau yang membantu perkembangan pelaburan langsung tempatan (DDIs) serta penglibatan dan pembangunan industri tempatan. Menubuhkan hab Teknologi Hijau yang strategik yang dikembangkan daripada rangkaian nilai utama kepada industri utama. Ini semua adalah perancangan kerajaan berkaitan Industri Hijau dan semua perkara ini akan terkandung dalam Pelan Pelaburan Negeri Johor yang akan di sediakan dalam masa terdekat.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)  
SOALAN 19 (A32)**

Tebing Sungai Bekok dan tebing Sungai Temehel berpotensi untuk dijadikan tempat tarikan pelancong. Adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk membangunkan tempat tersebut?

**JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI**

Eko pelancongan (*Eco-tourism*) merupakan salah satu kluster produk pelancongan negeri Johor. Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor sentiasa meneroka produk-produk pelancongan yang boleh diketengahkan dan dijadikan sebagai tarikan pelancong sepertimana yang telah dirancang dalam Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014-2023.

Untuk makluman, bagi menjadikan kawasan ini sebagai salah satu tarikan pelancongan utama di negeri Johor dan menjadikannya produk pelancongan yang kekal lama, ianya memerlukan perancangan yang rapi dan teliti kerana ianya melibatkan beberapa faktor termasuk keselamatan, keselesaan pengunjung atau pelancong dan pada masa yang sama mengekalkan ekosistem sungai dan alam sekitar di kawasan tersebut.

Pembangunan di pesisiran Sungai Bekok telah dirancang untuk dibangunkan di mana lokasi terlibat bermula dari jambatan Sungai Bekok sehingga ke kawasan berhampiran ibu pejabat Majlis Daerah Yong Peng (MDYP). Pelan cadangan konsep ini juga telah diangkat dan dibentangkan dalam Mesyuarat Perancangan Dan Pembangunan Majlis Daerah Yong Peng. Anggaran kos yang diperlukan adalah sekitar RM 7.5juta. Cadangan ini juga telah dipanjangkan kepada pihak Jabatan Landskap Negara bagi mendapatkan peruntukan yang diperlukan dan pihak MDYP percaya perkara ini masih dalam pertimbangan pihak yang berkenaan.

Bagi Sungai Temehel, ianya akan dikaji kesesuaiannya kerana kawasan rizab yang sempit dan melibatkan kawasan berhakmilik yang berhampiran dengan kawasan pesisiran sungai. Ianya juga melibatkan kawasan dibawah selenggaraan pihak Jabatan Perairan dan Saliran. Walau bagaimana pun pihak MDYP mengalu-alukan sebarang bentuk projek pembangunan di kawasan tersebut melalui perbincangan bersama pihak-pihak berkenaan bagi mengenalpasti kesesuaian dan keperluan serta sebarang peruntukan permohonan daripada jabatan yang berkaitan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)  
SOALAN 20 (A155)**

Lampu-lampu jalan banyak tidak nyala terutamanya Pekan Tiram dan ke Felde Bukit Tebrau Kawasan Kampung Oren. Pada malam bahaya kecurian dan samun.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Lampu-lampu jalan yang dimaksudkan berada di rizab Jalan Sg. Tiram. Jalan Sg. Tiram adalah dibawah selenggaraan pihak JKR Negeri Johor termasuk lampu jalan. Pihak MBBJ atas inisiatif sendiri dan rungutan penduduk telah menandatangani memorandum persefahaman bersama pihak JKR Negeri Johor pada 26 Februari 2020 untuk mengambil alih penyelenggaraan lampu jalan yang berada di dalam rizab JKR.

Untuk tahun 2020, pihak Majlis telah memperuntukkan bajet berjumlah RM15 juta untuk menaiktaraf dan membaiki lampu jalan yang berada di dalam rizab jalan JKR.

Bagi tahun 2021, MBBJ telah memperuntukkan bajet sebanyak RM15 juta untuk kerja penggantian lampu jalan di dalam rizab jalan JKT kepada lampu jalan jenis LED yang lebih terang dan jimat tenaga

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN (PARIT YAANI)  
SOALAN 21 (A207)**

Apakah usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan Johor melalui YPJ bagi membantu anak Johor meneruskan pembelajaran semasa pandemik ini bermula bulan 3 sehingga sekarang?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG**

1. Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) telah menjalankan Program Pengayaan Bahasa Inggeris yang mana melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 275 ribu.
2. Penglibatan pelajar adalah seramai 3,000 orang yang mana menyeluruh merangkumi 10 Daerah di negeri Johor bagi pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah.
3. Program adalah bertujuan meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar dan program ini berakhir pada 30 November 2020.
4. Manakala, pihak YPJ juga menjalankan program Karnival Hal Ehwal Murid Johor dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor.
5. Program ini adalah berkonsepkan pertandingan dalam kalangan murid, webinar kepada guru dan murid serta pembelajaran interaktif kepada murid di sekolah.
6. Program ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 129,850.00 dengan penglibatan pelajar seramai 1,000 orang pelajar dari seluruh daerah Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

**YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)  
SOALAN 22 (A180)**

Cukai harta telah menggantikan cukai pintu dan tidak dijalankan secara menyeluruh oleh PBT daripada 2018 sehingga kini. Apakah inisiatif kerajaan serta PBT bagi mengatasi cukai harta yang tidak saksama di mana ada yang dikenakan cukai harta dan ada yang tercicir?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa komited dalam memastikan pengenaan cukai harta yang adil dan saksama bagi setiap pegangan di bawah pentadbirannya. Setiap PBT mempunyai perancangan strategik tersendiri dalam merancang untuk pengenaan cukai harta bergantung kepada keupayaan sumber manusia dan kemampuan suatu PBT.

Ketidakteraturan pengenaan cukai harta antaranya adalah disebabkan seperti berikut:

- Kawasan tidak diwartakan dalam Kawasan pentadbiran Majlis
- Kawasan yang telah diwartakan dalam kawasan Pentadbiran Majlis tetapi berada di luar dari Kawasan/zoning perancangan pembangunan.
- Kawasan Kampung yang masih belum menerima perkhidmatan dan penyelenggaraan dari pihak PBT.

Selain itu, setiap PBT juga mempunyai kawalan dalaman tersendiri untuk memastikan setiap pegangan tidak tercicir dari dikenakan cukai harta. Antara inisiatif di Pihak Berkuasa Tempatan adalah;

- Perancangan dalam perluasan pengenaan cukai harta untuk Kawasan baru telah dimasukkan ke dalam Pelan Strategik 5 tahun iaitu dengan menetapkan tambahan 1000 pegangan setiap tahun yang perlu dinilai dan dikenakan cukai harta.
- Mewajibkan pemaju mendapatkan pengesahan/sokongan dari Jab Penilaian sebelum permohonan perancangan pembangunan dan penyiapan bangunan dikemukakan di OSC. Borang/surat pengesahan JPPH adalah sebagai salah satu syarat dalam senarai semak permohonan pembangunan di peringkat OSC.
- Membuat pemantauan secara berkala bagi memantau tambahan bangunan tanpa kelulusan PBT.
- Notis dikeluarkan kepada pemilik harta yang membina atau membuat tambahan bangunan tanpa kelulusan. Tambahan cukai akan dikenakan terhadap pemilik yang membuat tambahan bangunan dengan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Taksiran. Tindakan ini adalah selaras dengan seksyen 161 Notis mengenai bangunan baru, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)  
SOALAN 23 (A17)**

Berapakah jumlah permohonan Kad Sihat Johor yang telah berjaya mengikut pecahan kategori keluarga, bujang dan kawasan DUN setakat ini?

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)  
SOALAN 24 (A148)**

Berapakah jumlah permohonan bantuan SKIM Mysalam dan KAD SIHAT serta jumlah peruntukan yang disalurkan melalui program ini di negeri Johor pada tahun 2019 dan setakat Okt 2020? Sila senaraikan mengikut daerah dan kategori penyakit (bagi Mysalam).

**YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)  
SOALAN 25 (A162)**

Bagaimanakah agihan Kad Sihat Johor yang merupakan inisiatif kerajaan terdahulu di teruskan oleh kerajaan sekarang, memandangkan ADUN Kawasan walaupun pembangkang tiada maklumat akan jumlah penerima kad sihat di kawasan tersebut.

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)  
SOALAN 26 (A196)**

Nyatakan status perkembangan Kad Sihat bagi tahun 2020 termasuk bilangan penerima dan kos tuntutan bagi tahun 2019 dan 2020 serta rancangan kad sihat bagi tahun 2021.

**JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN**

1. Mengikut pecahan dua kategori Penerima Kad Sihat Johor telah diwujudkan di mana setakat 31.10.2020 kategori keluarga adalah seramai **15,661, penerima** dan kategori individu adalah seramai **8,748 penerima** dengan jumlah keseluruhan sebanyak **24,409 penerima**.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

Jumlah mengikut ADUN adalah seperti Jadual 1:

Daerah	DUN	Kategori A – 500 Keluarga/DUN (Pengisian)	Kategori B – 350 Individu/DUN (Pengisian)	JUMLAH
Johor Bahru	Johor Jaya	160	57	217
	Kempas	118	69	187
	Kota Iskandar	72	21	93
	Larkin	70	91	161
	Perling	94	60	154
	Permas	77	47	124
	Puteri Wangsa	163	115	278
	Skudai	242	168	410
	Stulang	124	106	230
	Tiram	306	224	530
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,426</b>	<b>958</b>	<b><u>2,384</u></b>



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

Daerah	DUN	Kategori A – 500 Keluarga/DUN (Pengisian)	Kategori B – 350 Individu/DUN (Pengisian)	JUMLAH
Muar	Bentayan	454	351	805
	Bukit Kepung	500	306	806
	Bukit Naning	500	327	827
	Bukit Pasir	464	249	713
	Maharani	502	350	852
	Simpang Jeram	490	240	730
	Sungai Balang	500	262	762
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>3,410</b>	<b>2,085</b>	<b><u>5,495</u></b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

Daerah	DUN	Kategori A – 500 Keluarga/DUN (Pengisian)	Kategori B – 350 Individu/DUN (Pengisian)	JUMLAH
Segamat	Buloh Kasap	237	115	352
	Jementah	190	343	533
	Kemelah	289	103	392
	Pemanis	227	104	331
	Bekok	376	147	523
	Tenang	410	97	507
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,729</b>	<b>909</b>	<b><u>2,638</u></b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

Daerah	DUN	Kategori A – 500 Keluarga/DUN (Pengisian)	Kategori B – 350 Individu/DUN (Pengisian)	JUMLAH
Batu Pahat	Penggaram	303	215	518
	Parit Raja	340	151	491
	Parit Yaani	474	180	654
	Rengit	267	98	365
	Semarang	239	77	316
	Semerah	390	236	626
	Senggarang	391	133	524
	Sri Medan	375	127	502
	Yong Peng	500	347	847
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>3,279</b>	<b>1,564</b>	<b><u>4,843</u></b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

Daerah	DUN	Kategori A – 500 Keluarga/DUN (Pengisian)	Kategori B – 350 Individu/DUN (Pengisian)	JUMLAH
Segamat	Buluh Kasap	237	115	352
	Jementah	190	343	533
	Kemelah	289	103	392
	Pemanis	227	104	331
	Bekok	376	147	523
	Tenang	410	97	507
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,729</b>	<b>909</b>	<b><u>2,638</u></b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

Daerah	DUN	Kategori A – 500 Keluarga/DUN (Pengisian)	Kategori B – 350 Individu/DUN (Pengisian)	JUMLAH
Kluang	Kahang	44	16	60
	Layang-Layang	42	9	51
	Machap	40	5	45
	Mahkota	117	65	182
	Mengkibol	377	298	675
	Paloh	87	19	106
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>707</b>	<b>412</b>	<b><u>1,119</u></b>

Daerah	DUN	Kategori A – 500 Keluarga/DUN (Pengisian)	Kategori B – 350 Individu/DUN (Pengisian)	JUMLAH
Pontian	Benut	60	39	99
	Kukup	287	143	430
	Pekan Nenas	348	130	478
	Pulai Sebatang	500	304	804
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,195</b>	<b>616</b>	<b><u>1,811</u></b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

Daerah	DUN	Kategori A – 500 Keluarga/DUN (Pengisian)	Kategori B – 350 Individu/DUN (Pengisian)	JUMLAH
Kota Tinggi	Johor Lama	24	5	29
	Panti	162	44	206
	Pasir Raja	5	3	8
	Penawar	312	89	401
	Sedili	174	71	245
	Tanjung Surat	168	70	238
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>845</b>	<b>282</b>	<b><u>1,127</u></b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

Daerah	DUN	Kategori A – 500 Keluarga/DUN (Pengisian)	Kategori B – 350 Individu/DUN (Pengisian)	JUMLAH
Mersing	Endau	84	58	142
	Tengaroh	112	42	154
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>196</b>	<b>100</b>	<b><u>296</u></b>

Daerah	DUN	Kategori A – 500 Keluarga/DUN (Pengisian)	Kategori B – 350 Individu/DUN (Pengisian)	JUMLAH
Tangkak	Bukit Gambir	500	350	850
	Serom	500	350	850
	Tangkak	500	350	850
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,500</b>	<b>1,050</b>	<b><u>2,550</u></b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

Daerah	DUN	Kategori A – 500 Keluarga/DUN (Pengisian)	Kategori B – 350 Individu/DUN (Pengisian)	JUMLAH
Kulai	Bukit Batu	500	328	828
	Bukit Permai	374	94	468
	Senai	500	350	850
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,374</b>	<b>772</b>	<b><u>2,146</u></b>

1. Pada tahun 2019 disasarkan seramai **14,000** penerima dengan peruntukan sebanyak **RM6.5 juta**.
2. Sebanyak **280 klinik** di Negeri Johor telah berdaftar sebagai panel klinik dengan jumlah tuntutan sehingga 31.12.2019 sebanyak **RM885,685.44**.
3. Dua kategori Penerima Kad Sihat Johor telah diwujudkan di mana sehingga 31.12.2019 kategori keluarga adalah seramai **7,263** penerima dan kategori individu adalah seramai **3,040** penerima dengan jumlah keseluruhan sebanyak **10,303** penerima



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

PERUNTUKAN	KUOTA PENERIMA KAD SIHAT JOHOR	AGENSI PELAKSANA	STATUS PELAKSANAAN				STATUS KEWANGAN				
			PENERIMA KAD SIHAT	%	BAKI KUOTA KAD SIHAT	%	PERBELANJAAN YANG TELAH DIGUNAKAN	%	BAKI	%	
6.5 Juta	14,000	BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	10,303	73.6%	3,765	26.4%	JOHOR BAHRU	42,779.60	3.5%	RM5,620,597.06	
							MUAR	71,230.50			
							BATU PAHAT	81,219.30			
							SEGAMAT	56,926.00			
							KLUANG	13,547.40			
							PONTIAN	14,675.84			
							KOTA TINGGI	6,913.80			
							MERSING	9,272.30			
							TANGKAK	37,903.00			
							KULAI	39,717.70			
							TPA FEE (KAD)	511,500.00			
6.5 Juta	14,000		10,303	73.6%	3,697	26.4%	RM885,685.44	13.6%	RM5,614,314.56	86.4%	

1. Penerima Kad Sihat Johor bagi fasa Kedua ini disasarkan seramai **47,600** penerima dengan peruntukan sebanyak **RM2 juta**.
2. Sebanyak **287 klinik** di Negeri Johor telah berdaftar sebagai panel klinik dengan jumlah tuntutan sehingga **31.10.2020** sebanyak **RM1,595,206.33**.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

3. Dua kategori Penerima Kad Sihat Johor telah diwujudkan di mana setakat **31.10.2020** kategori keluarga adalah seramai **15,661**, penerima dan kategori individu adalah seramai **8,748** penerima dengan jumlah keseluruhan sebanyak **24,409** penerima.

BIL	TAJUK	PERUNTUKAN	KUOTA PENERIMA KAD SIHAT JOHOR	AGENSI PELAKSANA	STATUS PELAKSANAAN						ISU / MASALAH	
					PENERIMA KAD SIHAT	%	BAKI KUOTA KAD SIHAT	%	PERBELANJAAN YANG TELAH DIGUNAKAN			%
1	Kad Sihat Johor	2 JUTA	47,600	BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	24,409	51.30%	23,191	48.70%			79.76%	TIADA
									JOHOR BAHRU	53,599.70		
									MUAR	129,870.20		
									BATU PAHAT	103,007.80		
									SEGAMAT	79,180.40		
									KLUANG	14,230.00		
									PONTIAN	25,012.78		
									KOTA TINGGI	16,852.50		
									MERSING	2,274.00		
									TANGKAK	92,658.50		
									KULAI	49,820.45		
TPA FEE (KAD) 2020	1,028,700.00											
<b>JUMLAH</b>	<b>2 JUTA</b>	<b>47,600</b>	<b>24,409</b>	<b>51.30%</b>	<b>23,191</b>	<b>48.70%</b>	<b>RM1,595,206.33</b>	<b>79.76%</b>				

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

**Pelaksanaan Skim mySalam di Negeri Johor**

Tahun	2019	2020	Perubahan Peratusan (%)
Penyakit Kritikal	784,000	4,648,000	493%
Hospitalisasi	91,100	1,028,650	1,029%
Jumlah Keseluruhan (RM)	875,100	5,676,650	549%

*Sumber: Pangkalan Data Tuntutan mySalam setakat 31 Oktober 2020*

Secara keseluruhan, peningkatan ketara dapat dilihat bagi tuntutan manfaat yang dibayar mySalam bagi manfaat Penyakit Kritikal dan Hospitalisasi yang bertambah sebanyak 493% dan 1,029% berbanding dengan tahun sebelumnya. Dari tahun 2019 ke tahun 2020, peningkatan sebanyak 549% jumlah tuntutan yang dibayar dapat dilihat. Peningkatan drastik tersebut adalah disebabkan oleh beberapa faktor iaitu:

1. Peningkatan kesedaran mengenai skim mySalam secara umum – dari pengumuman oleh Perdana Menteri, SMS mengenai mySalam yang dihantar kami ke no. tel penerima, dan iklan TV dan radio
2. Penambahan dan pengoperasian kios mySalam di hospital-hospital di Johor – Kluang, Segamat, Batu Pahat, Muar, Pontian, Hospital Sultan Ismail, Hospital Sultanah Aminah
3. Kesedaran umum yang lebih tinggi mengenai bantuan-bantuan kerajaan berkaitan Covid-19 kerana salah satu manfaat yang disediakan mySalam adalah bagi *Person Under Investigation (PUI)* bagi Covid-19. Penerima bantuan turut dimaklumkan akan manfaat lain yang disediakan mySalam selain perlindungan bagi Covid-19.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

**Jumlah Tuntutan Telah Dibayar Mengikut Hospital-Hospital di Negeri Johor**

Nama Hospital	Ketersediaan Kios	Penyakit Kritikal			Hospitalisasi			Jumlah (RM)
		2019	2020	Perubahan Peratusan (%)	2019	2020	Perubahan Peratusan (%)	
Hospital Sultanah Aminah	Ya	336,000	1,480,000	340%	43,850	255,200	482%	2,115,050
Hospital Sultan Ismail	Ya	296,000	1,088,000	268%	15,100	180,800	1097%	1,579,900
Hospital Pakar Sultanah Fatimah	Ya	120,000	736,000	513%	13,150	109,850	735%	979,000
Hospital Sultanah Nora Ismail	Ya	112,000	496,000	343%	22,850	220,750	866%	851,600
Hospital Segamat	Ya	80,000	248,000	210%	8,900	93,200	947%	430,100
Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom, Kluang	Ya	96,000	192,000	100%	13,450	97,550	625%	399,000
Hospital Kota Tinggi	Ya	0	64,000	N/A	700	15,500	2114%	80,200
Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim	Tidak - jangkaan Disember 2020	0	48,000	N/A	3,450	3,600	4%	55,050
Hospital Pontian	Ya	8,000		-100%	1,750	12,050	589%	21,800
Hospital Mersing	Tidak - jangkaan Disember 2020	0	16,000	N/A	700	3,600	414%	20,300
Hospital Tangkak	Tidak - jangkaan selepas tamat PKPB	0	16,000	N/A	200	1,600	700%	17,800
Hospital Permai Johor Bahru	N/A	0	0	N/A		1,950	N/A	1,950
<b>Jumlah Mengikut Kategori (RM)</b>		<b>1,048,000</b>	<b>4,384,000</b>	<b>318%</b>	<b>124,100</b>	<b>995,650</b>	<b>702%</b>	<b>6,551,750</b>

Sumber: Pangkalan Data Tuntutan mySalam setakat 31 Oktober 2020

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

Secara keseluruhannya bagi tahun 2019, sejumlah RM1,172,00 telah dibayar, manakala setakat 31 Oktober 2020, sebanyak RM5,379,650 telah dibayar bagi kedua-dua manfaat mySalam. Umumnya, terdapat peningkatan ketara terhadap tuntutan yang telah dibayar oleh mySalam di negeri Johor dengan peningkatan tertinggi dari Hospital Kota Tinggi dengan peningkatan bayaran manfaat hospitalisasi sebanyak 2,114% berbanding tahun sebelumnya, manakala hospital Pontian mencatat perubahan negatif bagi tuntutan Penyakit Kritikal, kemungkinan disebabkan oleh rujukan terus yang dibuat Hospital Pontian ke hospital pakar/hospital utama di negeri Johor.

Statistik utama berdasarkan jadual di atas:

1. Peningkatan Tuntutan dibayar bagi Penyakit Kritikal (2019 vs 2020) : 318%
2. Peningkatan Tuntutan dibayar bagi Manfaat Hospitalisasi (2019 vs 2020): 702%
3. Kios mySalam terdapat di 8 daripada 12 hospital di negeri Johor (66%), beroperasi Ahad-Khamis dari 9.00am-5.00pm. Ditunggal pada Jumaat, Sabtu dan cuti umum negeri/persekutuan

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)  
SOALAN 27 (A90)**

Adakah pihak kerajaan sedia menyalurkan sejumlah peruntukan untuk menyediakan kemudahan rekreasi untuk belia di kawasan kampung seperti gelanggang futsal atau gelanggang takraw?

**JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI**

1. Kerajaan Negeri sentiasa bersedia menyokong sebarang cadangan permohonan peruntukan pembinaan kemudahan sukan dan rekreasi seperti gelanggang futsal dan gelanggang takraw di kampung kepada Kementerian Belia dan Sukan.
2. Sehingga kini, Kementerian Belia dan Sukan telah menyediakan sebanyak 248 gelanggang futsal yang meliputi 10 daerah di dalam Negeri Johor yang terletak bukan sahaja di bandar malahan di Industri kampung.
3. Bagi 248 gelanggang futsal yang sedia ada dalam Negeri Johor, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kerajaan Pusat melalui Kementerian Belia dan Sukan bagi tujuan permohonan peruntukan khas bagi tujuan penyelenggaraan gelanggang futsal sedia ada yang telah dibina.